

Kajian Pengurusan Aset Di Perniagaan Dobi Cuci Suci

Radzi, Nor Afifah Fahrul^{1*}, Iskandar, Nur Iswa Noor¹, Rizal, Nur Fasha Shazarina Muhamad¹, Robiyanto, Febra² & Zumairi, Izz Marsya Mohd¹

¹Program Perakaunan, Kolej Vokasional Sungai Buloh, 40160 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA

²Accounting Study Program, Faculty of Economics and Business, Univesitas Muria Kudus, Kudus Regency, Central Java, INDONESIA

Corresponding Author Email: norafifahfahrulradzi@kvsbkpm.edu.my

Received: 20 May 2025; Revised: 13 June 2025; Accepted: 15 June 2025; Available Online: 21 June 2025

Abstrak: Kajian ini meneliti amalan pengurusan aset tetap dalam konteks perniagaan mikro melalui kajian kes di Dobi Cuci Suci, sebuah perniagaan milikan tunggal dalam sektor perkhidmatan dobi. Berdasarkan kerangka Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS 116), aset tetap seperti hartanah, loji dan peralatan (PPE) memerlukan perekodan dan penyusutan yang sistematik bagi menjamin ketelusan laporan kewangan dan keberkesanan operasi. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa pemilik perniagaan masih berhadapan dengan isu utama termasuk ketiadaan jadual daftar aset, tiada pengiraan susut nilai dan nilai buku bersih, serta kekurangan dalam sistem pemfailan dokumen aset. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual dan pemerhatian secara langsung untuk menilai keadaan sebenar pengurusan aset di premis perniagaan. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun semua aset berfungsi dengan baik, pengurusan aset yang tidak sistematik memberi kesan terhadap keupayaan membuat keputusan pelaburan, perancangan penyelenggaraan dan penyediaan laporan kewangan yang tepat. Sebagai respon kepada isu tersebut, kajian ini mencadangkan penggunaan perisian perakaunan digital seperti *Manager.io* sebagai alat untuk memperkemas pengurusan aset tetap. Perisian ini menawarkan fungsi daftar aset, pengiraan susut nilai secara automatik melalui kaedah garis lurus, serta integrasi laporan kewangan yang komprehensif. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan pengurusan aset, malah memperkukuh kebolehppercayaan laporan kewangan serta daya saing perniagaan kecil dan sederhana (PKS) dalam ekosistem digital masa kini

Kata Kunci: Pengurusan Aset Tetap, Dobi, MFRS 116, Manager.Io, Laporan Kewangan, Aset Bukan Semasa

1. Pengenalan

Kajian Pengurusan Aset di Perniagaan Dobi Cuci Suci memberi tumpuan kepada amalan pengurusan aset bukan semasa dalam konteks perniagaan mikro, khususnya dalam sektor perkhidmatan dobi. Berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (FRS 116) (Malaysian Accounting Standards Board Annual Report, 2018), aset bukan semasa seperti hartanah, loji dan peralatan (Property, Plant and Equipment – PPE) ditakrifkan sebagai aset ketara yang digunakan dalam penghasilan atau penyediaan barangan dan perkhidmatan serta dijangka akan digunakan dalam jangka masa panjang. Pengurusan yang sistematik terhadap aset ini termasuk perekodan pemerolehan, pengiraan susut nilai, pelupusan serta pemfailan maklumat aset memainkan peranan penting dalam memastikan ketelusan laporan kewangan dan keberkesanan operasi (Lev, 2018).

Walaupun bagaimanapun, dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pengurusan aset tetap sering kali diabaikan atau dilaksanakan secara tidak sistematik (Watson, 2010). Penyelidikan semasa menunjukkan bahawa kelemahan dalam sistem perekodan dan kawalan aset boleh menyebabkan ketidakcekapan dalam operasi, ketidakupayaan menilai prestasi kewangan sebenar serta menyukarkan proses audit dan pematuhan perakaunan (Grant et al., 2008; Zdyrko et al., 2022). Dobi Cuci Suci, sebuah perniagaan milikan tunggal yang menyediakan perkhidmatan dobi lengkap sejak tahun 2017, merupakan contoh praktikal bagaimana kekurangan dalam pengurusan aset memberi implikasi langsung terhadap kecekapan pengurusan perniagaan harian.

Kajian ini mengenal pasti tiga permasalahan utama yang dihadapi oleh Dobi Cuci Suci. Pertama, ketiadaan jadual daftar aset yang lengkap dan dikemas kini menyukarkan pemantauan dan penyelenggaraan aset, sekali gus memberi kesan terhadap keputusan pelaburan dan pelupusan. Kedua, tiada pengiraan susut nilai dan nilai buku bersih yang dilaksanakan, menjadikan proses penyediaan penyata kewangan tidak mencerminkan kedudukan sebenar aset dan menjejaskan analisis prestasi kewangan. Ketiga, ketiadaan sistem pemfailan dokumen aset yang teratur mengakibatkan kesukaran dalam pengesanan dokumen penting seperti invois dan bukti pembelian, yang sangat penting dalam proses audit dan pematuhan perakaunan.

Sehubungan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk memperkenalkan satu pendekatan pengurusan aset yang praktikal dan sistematik bagi perniagaan kecil seperti Dobi Cuci Suci. Kajian ini bertujuan untuk menyediakan jadual daftar aset yang lengkap berdasarkan maklumat pemerolehan sebenar, membangunkan jadual susut nilai serta mengira nilai buku bersih menggunakan kaedah garis lurus, dan seterusnya mewujudkan sistem pemfailan dokumen aset yang kemas dan teratur untuk tujuan penyimpanan dan rujukan masa hadapan.

2. Kaedah Penyelidikan

Kaedah yang digunakan dalam membuat kajian pengurusan aset hartanah, loji dan peralatan Dobi Cuci Suci adalah kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian.

2.1 Kaedah Temubual

Kaedah temu bual ialah proses perbincangan antara dua pihak atau lebih, di mana seseorang mengemukakan soalan dan pihak yang lain memberikan jawapan. Tujuan temu bual biasanya untuk mendapatkan maklumat, pendapat, atau penilaian mengenai sesuatu perkara. Dalam kajian ini, temu bual digunakan untuk mengumpul maklumat tentang pengurusan aset tetap di perniagaan Dobi Cuci Suci. Kaedah ini telah dilaksanakan secara terperinci bersama-sama dengan Puan Hazalina Bt Ahmad Tahwil iaitu pemilik dobi.

Aplikasi *WhatsApp* dan pautan *Google Form* menjadi medium yang digunakan untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat. Terdapat pelbagai topik yang telah dibincangkan antaranya adalah latar belakang perniagaan, bilangan pekerja, bilangan aset yang ada dan pengurusan aset. Maklum balas yang diterima adalah relevan dengan kajian yang dilakukan berkenaan dengan pengurusan aset. Rajah 1 berikut merupakan borang temu bual yang digunakan untuk mendapat maklum balas pemilik dobi.

Jadual 1: Borang Temubual

Bil.	Soalan	Maklum balas
1.	Bilakah Dobi Cuci Suci ditubuhkan?	
2.	Dimanakah Dobi Cuci Suci ini dijalankan?	
3.	Apakah jenis entiti perniagaan bagi Dobi Cuci Suci?	
4.	Adakah Dobi Cuci Suci telah didaftarkan di bawah Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM)? Jika sudah didaftarkan, nyatakan nombor pendaftaran.	
5.	Siapakah nama pemilik Dobi Cuci Suci?	
6.	Berapakah bilangan cawangan Dobi Cuci Suci?	
7.	Berapakah bilangan pekerja Dobi Cuci Suci?	
8.	Adakah Dobi Cuci Suci dibuka setiap hari?	
9.	Berapakah bilangan aset yang ada? Nyatakan.	

2.2 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah teknik pengumpulan data yang melibatkan penilaian dan pencatatan tingkah laku, peristiwa, atau keadaan secara langsung oleh pemerhati. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian dilakukan dengan melawat tapak secara langsung dan memeriksa keadaan aset tetap di Dobi Cuci Suci dengan lebih jelas dan terperinci. Lawatan ini dilaksanakan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai keadaan dan penggunaan aset-aset tersebut secara langsung di lokasi. Dalam pemerhatian ini, terdapat penemuan bahawa semua aset Dobi Cuci Suci masih digunakan secara aktif dan berfungsi dengan baik. Jenis-jenis aset yang ditemui termasuk empat mesin basuh, tiga mesin pengering, satu mesin cuci kering dan dua seterika industri. Selain itu, tiada fail yang menyimpan dokumen atau invois di dobi. Ini kerana pemilik dobi mengatakan bahawa dobi tersebut dibeli bersama aset sedia ada seperti mesin basuh dengan pemilik terdahulu pada tahun 2017. Pemeriksaan mendalam ini membolehkan penilaian terhadap keadaan fizikal,

prestasi, dan penggunaan setiap aset, serta membantu dalam menentukan sejauh mana aset-aset tersebut menyokong operasi harian di dobi tersebut.

Jadual 2 : Borang Senarai Semak

Bil.	Perkara	Kategori	Ada/Tiada	Berfungsi/ Tidak Berfungsi
1.	LG 15KG -F251STGW	Mesin Basuh	Ada	Berfungsi
2.	LG 15KG -F251STGW	Mesin Basuh	Ada	Berfungsi
3.	Speed Queen Washer - TC5102WN	Mesin Basuh	Ada	Berfungsi
4.	Speed Queen Washer - TC5102WN	Mesin Basuh	Ada	Berfungsi
5.	HUEBSCH COMMERCIAL HDGMNRGDS113CW01	Mesin Pengering	Ada	Berfungsi
6.	HUEBSCH COMMERCIAL HDGMNRGDS113CW01	Mesin Pengering	Ada	Berfungsi
7.	MAXI MDDE 170	Mesin Pengering	Ada	Berfungsi
8.	Stirovap Big Steam 5	Seterika Industri	Ada	Berfungsi
9.	Stirovap Big Steam 5	Seterika Industri	Ada	Berfungsi
10.	LG Dry Clean-GCW1069QS	Mesin Cuci Kering	Ada	Berfungsi

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bab ini menjelaskan hasil dapatan kajian dan analisis data berkaitan pengurusan aset tetap dalam perniagaan dobi, termasuk kaedah-kaedah yang digunakan. Berdasarkan dapatan tersebut, beberapa isu yang dikenal pasti dapat dijadikan panduan untuk menyelesaikan masalah yang timbul dengan lebih berkesan. Antara masalah utama dalam pengurusan aset tetap perniagaan dobi ialah tidak mendaftar setiap aset tetap yang dibeli, tiada penyediaan jadual susut nilai, tiada pengiraan nilai buku bersih aset, dan pengurusan dokumen berkaitan aset tetap yang tidak teratur.

Kajian ini menggunakan dua kaedah utama untuk mengumpul maklumat berkaitan pengurusan aset, iaitu kaedah temu bual dan pemerhatian. Kaedah temu bual melibatkan perbincangan bersama pemilik Dobi Cuci Suci, manakala kaedah pemerhatian dilaksanakan dengan melawat premis dobi untuk menilai keadaan aset tetap secara langsung.

3.1 Dapatan Daripada Kaedah Temu Bual

Merujuk kepada maklum balas dalam borang temu bual untuk Dobi Cuci Suci, perniagaan ini menghadapi beberapa kekurangan dalam pengurusan aset, seperti yang dinyatakan oleh pemilik. Borang temu bual menunjukkan bahawa Dobi Cuci Suci telah ditubuhkan pada 27 Januari 2017 dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai perniagaan milikan tunggal. Ini bermaksud pemilik telah mengambil langkah penting untuk menjalankan perniagaan secara sah. Walaupun sudah berdaftar, pemilik tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang pengurusan aset dari segi perakaunan.

Perniagaan ini hanya mempunyai satu cawangan dengan tiga pekerja dan beroperasi setiap hari. Dengan saiz perniagaan yang kecil dan bilangan pekerja yang sedikit, pemilik mungkin hanya fokus pada operasi harian dan kurang memberi perhatian kepada pengurusan aset untuk jangka panjang. Dengan pengetahuan pengurusan aset yang lebih baik, pemilik boleh mengimbangkan antara menjalankan operasi harian dan merancang pengurusan aset yang lebih efektif.

Pemilik menyatakan bahawa perniagaan ini mempunyai 10 aset dan semuanya masih berfungsi dengan baik. Namun, pemilik tidak membuat jadual daftar aset, tidak membuat jadual susut nilai dan tidak mengira nilai buku bersih serta tidak mempunyai pemfailan aset yang sistematik. Ini menunjukkan kekurangan pengetahuan dalam pengurusan aset yang teratur, yang boleh memberi kesan perancangan kewangan jangka Panjang (Bernheim et al., 2013; Chareonsuk & Chansa-Ngavej, 2008; Frezatti et al., 2013). Untuk perniagaan Dobi Cuci Suci ini, pengiraan susut nilai penting untuk menentukan kos aset, peruntukan susut nilai dan nilai buku bersih. Nilai ini kemudiannya akan dibawa ke imbalan duga dan penyata kewangan untuk menentukan keuntungan atau kerugian perniagaan (Tsamis & Liapis, 2017).

3.2 Dapatan Daripada Kaedah Pemerhatian

3.2.1 Tidak Menyediakan Jadual Daftar Aset

Tidak menyediakan jadual daftar aset tetap boleh memberi kesan besar kepada pengurusan perniagaan, khususnya dalam aspek operasi, kewangan, dan penjagaan aset jangka panjang. Jadual daftar aset bukan hanya sekadar senarai biasa, tetapi ia memainkan peranan penting dalam merekodkan maklumat seperti jenis aset, tarikh pembelian, kos asal, lokasi, dan keadaan semasa. Dalam perniagaan dobi, aset tetap seperti mesin basuh, mesin pengering, dan seterika industri adalah keperluan utama untuk memastikan kelancaran operasi setiap hari. Tanpa jadual daftar aset, pemilik mungkin menghadapi kesukaran untuk memastikan semua aset ini dapat digunakan dengan baik sepanjang tempoh operasinya.

Dari segi kewangan, jadual daftar aset sangat penting untuk memberi gambaran jelas tentang nilai perniagaan (Munir et al., 2020). Apabila perniagaan ingin memohon pinjaman atau mendapatkan pelaburan, bank atau pelabur biasanya memerlukan senarai aset sebagai salah satu dokumen sokongan. Jika daftar ini tiada, keyakinan institusi kewangan atau pelabur terhadap perniagaan boleh terjejas, yang seterusnya mengurangkan peluang mendapatkan bantuan kewangan yang diperlukan untuk berkembang (Bongini et al., 2015).

Kesimpulannya, kegagalan menyediakan jadual daftar aset tetap boleh memberi kesan negatif kepada kelancaran operasi, kewangan, dan perancangan jangka panjang perniagaan. Oleh itu, pemilik perniagaan dobi perlu mengambil langkah proaktif untuk menyusun dan mengemas kini jadual daftar aset secara berkala.

3.2.2 Tidak Menyediakan Jadual Susut Nilai dan Tidak Mengira Nilai Buku Bersih Aset.

Tidak mengira susut nilai aset tetap seperti mesin basuh dan mesin pengering boleh memberi kesan besar kepada kewangan dan pengurusan perniagaan. Susut nilai ialah proses perakaunan untuk mencatat penurunan nilai aset akibat penggunaan harian, kehausan, atau teknologi yang semakin ketinggalan. Proses ini penting kerana ia membantu memastikan nilai aset dalam laporan kewangan lebih tepat dan mencerminkan keadaan sebenar (Kozlovskaya, 2015; Lev, 2018). Kesimpulannya, pengiraan susut nilai penting untuk memastikan pengurusan kewangan dan aset yang lebih teratur. Ia membantu pemilik membuat keputusan yang lebih baik, sama ada dalam aspek kewangan, operasi, atau perancangan masa depan.

3.2.3 Tidak Menyediakan Sistem Pemfailan Dokumen Aset Yang Dibeli Dengan Teratur.

Ketiadaan sistem pemfailan yang teratur adalah masalah yang boleh memberi kesan besar kepada pengurusan dokumen perniagaan. Sistem pemfailan sangat penting untuk memastikan dokumen seperti invois pembelian, sijil jaminan, dan rekod penyelenggaraan disusun dengan baik dan mudah dicari apabila diperlukan. Tanpa sistem pemfailan, dokumen mudah hilang atau sukar ditemui, yang boleh melambatkan urusan perniagaan dan menyebabkan kerugian masa serta wang (Salmela, 2008).

Kesimpulannya, ketiadaan sistem pemfailan yang baik bukan sahaja melambatkan urusan tetapi juga menyebabkan kerugian yang boleh dielakkan. Dengan sistem pemfailan yang teratur, sama ada secara manual atau digital, perniagaan dapat memastikan dokumen penting sentiasa tersimpan rapi dan mudah diakses, sekali gus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi perniagaan.

Sebagai kesimpulan, kelemahan seperti kegagalan membuat jadual daftar aset, mengira susut nilai, dan menyediakan sistem pemfailan yang sistematik boleh memberi kesan negatif kepada operasi, kewangan, dan kredibiliti sesebuah perniagaan dobi. Oleh itu, pemilik perniagaan perlu mengambil langkah segera untuk memperbaiki kelemahan ini (Smith & Jones, 2018).

3.3 Perbincangan

Pada era digital kini, pengurusan aset tetap dalam perniagaan kecil seperti dobi boleh dipertingkatkan dengan penggunaan perisian perakaunan bersepadu seperti **Manager.io** (Kampus et al., 2022; Rizky Wicaksono, 2024). Perisian ini menawarkan pelbagai fungsi yang menyokong pemantauan aset secara sistematik, termasuk kemudahan merekodkan aset seperti mesin basuh, mesin pengering, seterika industri, dan peralatan operasi lain. Modul *Fixed Asset* dalam Manager.io membolehkan pengguna menyimpan maklumat komprehensif seperti tarikh pembelian, harga kos, nombor siri, dan jangka hayat aset. Penyusunan maklumat ini secara sistematik bukan sahaja memudahkan pengurusan harian aset, malah penting untuk audit dalaman dan analisis pelaburan jangka panjang.

3.3.1 Penyediaan Jadual Daftar Aset

Jadual daftar aset merupakan elemen penting dalam memastikan kawalan dalaman dan ketelusan pengurusan perniagaan. Tanpa dokumentasi aset yang sistematik, pemilik perniagaan berisiko kehilangan aset, mengalami kerosakan yang tidak dijangka, dan menghadapi kesukaran dalam proses penyelenggaraan. Kajian terdahulu menyatakan bahawa kekurangan sistem daftar aset boleh menjejaskan kemampuan PKS untuk membuat keputusan strategik serta menurunkan keyakinan pelabur (Kulkarni & Chirputkar, 2014).

Dengan menggunakan Manager.io, setiap aset boleh ditambah ke dalam modul *Fixed Assets*, bersama butiran seperti kategori aset, lokasi, dan status penyelenggaraan. Kemaskini berkala membolehkan pemilik menilai keadaan aset,

merancang penyelenggaraan preventif, serta mengenal pasti keperluan pelupusan atau penggantian aset. Sistem ini jauh lebih efisien berbanding penggunaan jadual manual seperti Microsoft Excel, yang mudah terdedah kepada kesilapan input dan kehilangan data (Yuliafitri et al., 2024).

Di samping itu, Manager.io menyediakan integrasi antara rekod aset tetap dengan laporan kewangan utama seperti penyata kewangan dan kunci kira-kira. Ini memberi gambaran holistik terhadap nilai sebenar aset serta sumbangannya terhadap kedudukan kewangan perniagaan.


3.3.2 Penyediaan Jadual Susut Nilai dan Pengiraan Nilai Buku Bersih

Pengiraan susut nilai merupakan aspek kritikal dalam pelaporan kewangan yang tepat. Ia membolehkan aset tetap dinilai semula mengikut peredaran masa dan penggunaan. Dalam konteks perniagaan dobi, di mana aset seperti mesin basuh digunakan setiap hari, pengiraan susut nilai membantu dalam perancangan penggantian dan kawalan kos (Farrell, 2016).

Manager.io memudahkan penyediaan jadual susut nilai melalui kaedah garis lurus (*straight-line method*). Sebagai contoh, aset bernilai RM10,000 dengan jangka hayat lima tahun akan disusut nilai sebanyak RM2,000 setahun. Perisian ini membolehkan pengiraan automatik nilai buku bersih, sekali gus mengurangkan kesilapan manual dan mempercepatkan proses penyediaan laporan.

Selain itu, Manager.io membolehkan pengguna membuat *journal entries* untuk rekod susut nilai, dengan perbelanjaan dimasukkan ke dalam akaun *Depreciation Expense* dan *Accumulated Depreciation*. Ini selari dengan prinsip perakaunan yang diterima umum, dan meningkatkan kesediaan pemilik perniagaan dalam menghadapi audit atau pelaporan kewangan berkala.

Keseluruhannya, penggunaan Manager.io bukan sahaja memodenkan pengurusan aset tetap, tetapi juga meningkatkan kecekapan, ketepatan, dan ketelusan dalam pelaporan kewangan perniagaan mikro seperti dobi.



Code	Name	Description	Depreciation rate	Acquisition cost	Depreciation	Book value	Status
001	WASHING MACHINE	LG 15KG -F251STGW	10	RM 5,000.00	RM 3,250.00	RM 1,750.00	Active
002	WASHING MACHINE	LG 15KG -F251STGW	10	RM 5,000.00	RM 3,250.00	RM 1,750.00	Active
003	WASHING MACHINE	SPEED QUEEN WASHER - TC5102WN	10	RM 5,000.00	RM 3,250.00	RM 1,750.00	Active
004	WASHING MACHINE	SPEED QUEEN WASHER - TC5102WN	10	RM 5,000.00	RM 3,250.00	RM 1,750.00	Active
005	DRYER MACHINE	HUEBSCH COMMERCIAL HDGMNRGDS113CW01	10	RM 5,000.00	RM 3,250.00	RM 1,750.00	Active
006	DRYER MACHINE	HUEBSCH COMMERCIAL HDGMNRGDS113CW01	10	RM 5,000.00	RM 3,250.00	RM 1,750.00	Active
007	DRYER MACHINE	MAXI MDDE 170	10	RM 8,000.00	RM 5,200.00	RM 2,800.00	Active
008	IRON INDUSTRY	STIROVAP BIG STEAM 5	10	RM 3,000.00	RM 1,950.00	RM 1,050.00	Active
009	IRON INDUSTRY	STIROVAP BIG STEAM 5	10	RM 3,000.00	RM 1,950.00	RM 1,050.00	Active
010	DRY CLEAN MACHINE	LG DRY CLEAN- GCW1069QS	10	RM 6,000.00	RM 3,900.00	RM 2,100.00	Active
				RM 50,000.00	RM 32,500.00	RM 17,500.00	

Rajah 1: Jadual Daftar Aset dan Susut Nilai Menggunakan Perisian *Manager.io*

4. Kesimpulan

Kajian terhadap pengurusan aset tetap di Dobi Cuci Suci telah membuka ruang pemahaman yang lebih luas terhadap keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam menstrukturkan tadbir urus aset secara sistematik. Isu utama yang dikenal pasti, seperti ketiadaan jadual daftar aset, tiada pengiraan susut nilai, dan kelemahan dalam sistem pemfailan dokumen, merupakan halangan lazim dalam operasi perniagaan kecil yang tidak mempunyai kepakaran atau sumber untuk melaksanakan amalan perakaunan yang baik.

Melalui pendekatan penyelesaian berasaskan teknologi seperti penggunaan perisian Manager.io, pemilik perniagaan kini boleh melaksanakan kawalan aset yang lebih teratur dan automatik. Fungsi yang tersedia dalam perisian ini termasuk rekod aset tetap, pengiraan susut nilai secara garis lurus, dan integrasi laporan kewangan dapat membantu bukan sahaja dalam pengekalan nilai aset, tetapi juga dalam meningkatkan kecekapan operasi dan ketelusan laporan kewangan.

Implikasi kajian ini amat signifikan kepada sektor PKS. Dengan mengamalkan pengurusan aset yang profesional dan sistematik, PKS mampu untuk menilai prestasi aset dengan lebih tepat, membuat keputusan pelaburan dan

penyelenggaraan berdasarkan data, mengurangi risiko kehilangan dan kerusakan aset serta memudahkan urusan pematuhan audit dan percukaian.

Lebih penting lagi, sistem yang mantap dalam mengurus aset tetap memberi ruang kepada PKS untuk membina kredibiliti dalam kalangan institusi kewangan, pelabur, dan pelanggan. Justeru, pemerkasaan pengurusan aset melalui teknologi bukan lagi pilihan, tetapi keperluan asas bagi memastikan kelangsungan dan daya saing PKS dalam landskap perniagaan masa kini yang serba digital dan berdaya saing tinggi.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kolej Vokasional Sungai Buloh atas sokongan mereka dalam menyediakan kemudahan dan bantuan kewangan untuk penyelidikan ini.

Konflik Berkepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Bernheim, B. D., Garrett, D., & Maki, D. (2013). *Financial Literacy of U.S. Households: Knowledge vs. Long-Term Financial Planning*. <https://doi.org/10.3386/W6085>.
- Bongini, P., Nieri, L., & Pelagatti, M. (2015). The importance of being systemically important financial institutions. *Journal of Banking & Finance*, 50, 562–574. <https://doi.org/10.1016/J.JBANKFIN.2014.07.006>.
- Chareonsuk, C., & Chansa-Ngavej, C. (2008). Intangible asset management framework for long-term financial performance. *Industrial Management and Data Systems*, 108(6), 812–828. <https://doi.org/10.1108/02635570810884021/FULL/XML>.
- Frezzatti, F., de Souza Bido, D., da Cruz, A. P. C., Barroso, M. F. G., & de Camargo Machado, M. J. (2013). Investment Decisions on Long-term Assets: Integrating Strategic and Financial Perspectives. *European Accounting Review*, 22(2), 297–336. <https://doi.org/10.1080/09638180.2012.718672>.
- Grant, G. H., Miller, K. C., & Alali, F. (2008). The effect of IT controls on financial reporting. *Managerial Auditing Journal*, 23(8), 803–823. <https://doi.org/10.1108/02686900810899536/FULL/XML>.
- Kampus, J. P., Putri, W. U., Oktaria, M., Hariatama, F., Alexandro, R., Wulandari, R. S., Agustini, M., Studi, P., Ekonomi, P., Pendidikan, J., Sosial, I. P., & Raya, P. (2022). Pelatihan Pengelolaan Keuangan Menggunakan Aplikasi Manager.IO di Desa Kayu Bulan Kabupaten Kapuas. *Pengabdian Kampus : Jurnal Informasi Kegiatan Pengabdian Pada Masyarakat*, 9(2), 59–63. <https://doi.org/10.52850/JPMUPR.V9I2.7500>.
- Kozlovskaya, I. (2015). The impact of long-lived non-financial assets depreciation/amortization method on financial statements. *Copernican Journal of Finance & Accounting*, 4(2), 91–108. <https://doi.org/10.12775/CJFA.2015.018>.
- Kulkarni, P., & Chirputkar, A. V. (2014). Impact of SME Listing on Capital Structure Decisions. *Procedia Economics and Finance*, 11, 431–444. [https://doi.org/10.1016/S2212-5671\(14\)00210-X](https://doi.org/10.1016/S2212-5671(14)00210-X).
- Lev, B. (2018). The deteriorating usefulness of financial report information and how to reverse it. *Accounting and Business Research*, 48(5), 465–493. <https://doi.org/10.1080/00014788.2018.1470138>.
- Malaysian Accounting Standards Board Annual Report (2018).
- Munir, M., Kiviniemi, A., Finnegan, S., & Jones, S. W. (2020). BIM business value for asset owners through effective asset information management. *Facilities*, 38(3–4), 181–200. <https://doi.org/10.1108/F-03-2019-0036/FULL/XML>.
- Rizky Wicaksono, S. (2024). Pengukuran Kualitas Perangkat Lunak Manager.io pada Model FUPRS. *Jurnal Pengembangan Rekayasa Dan Teknologi*, 8(1), 59–68. <https://doi.org/10.26623/jprt.v8i1.9683>.
- Salmela, H. (2008). Analysing Business Losses Caused by Information Systems Risk: A Business Process Analysis Approach. *Journal of Information Technology*, 23(3), 185–202. <https://doi.org/10.1057/PALGRAVE.JIT.2000122>.
- Tsamis, A., & Liapis, K. J. (2017). Fair value and cost accounting, depreciation methods, recognition and measurement for fixed assets. *International Journal in Economics and Business Administration*, II(3), 115–133. <https://www.um.edu.my/library/oar/handle/123456789/31244>.
- Watson, R. (2010). Small and medium size enterprises and the knowledge economy: Assessing the relevance of intangible asset valuation, reporting and management initiatives. *Journal of Financial Regulation and Compliance*, 18(2), 131–143. <https://doi.org/10.1108/13581981011033998/FULL/XML>.

- Yuliafitri, I., Mulyani, S., & Armania, G. P. (2024). Training On Bumdes Accounting Based On Manager Io Software At Bumdes Bina Laksana, Garut. *Abdi Dosen: Jurnal Pengabdian Pada Masyarakat*, 8(4), 1764–1770. <https://doi.org/10.32832/ABDIDOS.V8I4.2528>.
- Zdyrko, N. G., Polova, O. L., Mulyk, T. O., Tomchuk, O. F., Mulyk, Ya. I., Kozachenko, A. Y., Fedoryshyna, L. I., & Mashevskaya, A. A. (2022). *Financial control, analysis and audit as tools of an effective management system: state, problems, prospects* [University of Security Management in Košice.]. <https://dspace.uzhnu.edu.ua/jspui/handle/lib/44808>.